

02 DEC 1998

Mahathir-Bonus

BANTUAN RM400 KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN TAHUN INI -- MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Kerajaan akan memberi bantuan RM400 seorang kepada semua kakitangan kerajaan, kecuali mereka dalam jawatan utama sektor awam, tahun ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkan demikian hari ini berkata pemberian itu untuk membantu kakitangan berkenaan membiayai keperluan pelajaran anak-anak mereka di samping keperluan lain.

Ketika merasmikan konvensyen Cuepacs ke-21 di Pusat Belia Antarabangsa di Cheras di sini, Dr Mahathir bagaimanapun mengulangi bahawa kerajaan tidak mampu membayar bonus untuk kakitangan awam tahun ini.

"Saya sedar akan ada yang tidak berpuas hati dengan tawaran ini, tetapi ini sahajalah yang mampu diberikan oleh kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun ekonomi dan kewangan kerajaan begitu berkurangan sehingga negara akan mengalami defisit RM16 bilion bagi 1999, tetapi kerajaan sedar akan masalah yang dihadapi oleh kakitangannya.

Sebelum ini Cuepacs dan beberapa pertubuhan meminta supaya hampir 800,000 kakitangan kerajaan diberi insentif sebagai ganti kepada bonus yang tidak dapat diberi tahun ini berikutan kegawatan ekonomi.

Kali pertama kerajaan membayar bonus ialah pada 1993 apabila 850,000 kakitangan awam mendapat setengah bulan gaji atau minimum RM400, diikuti dengan sebulan gaji atau RM600 minimum pada 1994 dan 1995.

Pada 1996 bonus yang diberikan ialah sebulan gaji atau minimum RM700 bagi kumpulan terendah manakala tahun lepas sebulan gaji atau bayaran minimum RM700, yang dibayar dalam dua ansuran.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Tan Sri Dr Mazlan Ahmad berkata, kerajaan dijangka membelanjakan kira-kira RM338 juta untuk memberi bantuan itu kepada kira-kira 847,000 kakitangan kerajaan berbanding dengan peruntukan RM1 bilion bagi bonus yang diberi sebelum ini.

Kakitangan sokongan juga akan menikmati bantuan itu, katanya.

Bila ditanya bila bantuan itu akan dikeluarkan kepada kakitangan awam, beliau menjangkakan ia diberi sebelum akhir bulan ini.

"Saya rasa kita perlu bekerja keras. Kita perlu memastikan semua jabatan kerajaan memasukan bantuan kewangan itu dalam penyata gaji bulan ini...tetapi ia terpulang kepada berapa cepat perkiraan dapat dibuat," katanya.

Ditanya daripada mana wang itu akan diperolehi untuk tujuan itu, beliau berkata: "Ia perlu dicari. Kita perlu menguruskannya bersama perbendaharaan."

Ditanya sama ada beliau boleh memberi jaminan kepada semua ibu bapa yang bantuan kewangan itu akan disampaikan sebelum anak mereka ke sekolah, Dr Mazlan berkata pekeliling mengenai bantuan kewangan itu akan dikeluarkan kelak.

Ditanya sama ada bantuan kewangan itu dibuat sekali gus, beliau berkata: "Saya jangka demikian."

Presiden Cuepacs, Encik Abdul Aziz Sutan berkata Cuepacs menganggap bantuan yang diumumkan oleh Dr Mahathir itu sebagai paling baik dalam keadaan negara menghadapi kegawatan ekonomi.

"Dalam keadaan sekarang walaupun mendapat RM400, kita kena terima dengan hati terbuka," katanya dan menambah Cuepacs tidak mengemukakan sebarang jumlah dalam tuntutan insentif semasa bertemu dengan Dr Mahathir bulan lepas.

Beliau juga berkata bantuan itu dapat membantu meringankan beban

ibubapa untuk membeli buku sekolah anak-anak mereka.

Abdul Aziz berharap bantuan itu dapat diberi sebelum sekolah dibuka pada 4 Jan depan.

-- BERNAMA

TM PR